



## CABARAN DAN PERMASALAHAN PEMBELAJARAN MURID B40 DI SEKOLAH RENDAH DI MALAYSIA

### [THE CHALLENGES AND PROBLEMS OF LEARNING FACED BY B40 STUDENTS AT PRIMARY SCHOOLS IN MALAYSIA]

WAN NUR IZZATI HAZWANI KASHFI,<sup>1\*</sup> NORHAYATI CHE HAT,<sup>1</sup> SITI SALWA MOHD NOOR,<sup>1</sup>  
NORASYIKIN OSMAN,<sup>1</sup> NURAZAN MOHAMAD ROUYAN<sup>1</sup> & ZAHARAH HUSSIN<sup>2\*</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

<sup>2\*</sup> Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Corespondent Email: kashfizati98@gmail.com

---

Received: 1 November 2022

Accepted: 15 November 2022

Published: 12 December 2022

---

**Abstrak:** Isu permasalahan pembelajaran dalam kalangan pelajar B40 semakin mendapat perhatian ramai pihak di Malaysia. Hal ini dapat dilihat melalui statistik tahunan kemasukan pelajar B40 ke sekolah yang mengalami penurunan, serta penyertaan yang kurang memuaskan dalam aktiviti pembelajaran sehari-hari oleh pelajar B40 khususnya di sekolah rendah. Tidak kurang juga ada pelajar B40 yang memilih untuk berhenti sekolah kerana tidak mampu membiayai yuran sekolah ataupun membantu keluarga dalam aktiviti meraih pendapatan, seterusnya menyumbang kepada keciciran pendidikan. Antara isu dan permasalahan pembelajaran yang sering dialami oleh pelajar B40 adalah tahap kemahiran membaca dan menulis yang rendah, tahap kehadiran ke sekolah yang rendah, sering ketinggalan dalam pembelajaran, hilang daya tumpuan dan motivasi dalam pembelajaran. Pelbagai kajian telah dilaksanakan bagi mengkaji faktor-faktor permasalahan pembelajaran pelajar B40 secara mendalam. Antara faktor besar yang mempengaruhi isu ini adalah faktor sosioekonomi dan penglibatan ibu bapa. Ini kerana masih terdapat kekangan kewangan dan ekonomi keluarga yang tidak dapat dijangka. Masalah-masalah ini perlu ditangani dengan sebaiknya. Justeru, kertas konsep ini mengutarakan beberapa cadangan dan saranan bagi mengatasi isu dan permasalahan pembelajaran yang berlaku dalam kalangan pelajar B40 agar golongan ini mendapat akses pendidikan yang berkualiti dan sewajarnya di samping merapatkan jurang keciciran pendidikan tanpa mengira latar belakang keluarga.

**Kata kunci:** Permasalahan pembelajaran, keciciran pendidikan, pelajar B40, faktor sosioekonomi.

**Abstract:** Learning problems faced by B40's students are one of the main issues in education that have been under the spotlight over the years. This phenomenon can be seen by the decreasing amount of B40 students enrolling particularly in primary school by year statistically. Furthermore, there are B40 students who choose to neglect their school sessions because of unable to fulfill the school's fees and needs, which eventually leads them to drop out of school. Among the problems of learning faced by B40's students is a low level of proficiency in reading and writing skills, low level of school attendance, unsatisfactory participation in activities causing delays and dropping out in learning, and loss of concentration and motivation in education. Thus this study aims to identify in-depth factors that affected B40 students learning problems, as well as suggest solutions to curb the learning problems they faced in primary school. The findings show that socioeconomic factor, students' personality, and parental involvement in B40's student education plays a vast role in determining their direction in education. In

conclusion, learning problems faced by B40's students needed to be overcome by various parties so that better access to quality education can be achieved in addition to bridging the educational gap regardless of family background.

**Keywords:** Learning problem, dropout of school, B40 student, socioeconomic factor.

**Cite This Article:**

Wan Nur Izzati Hazwani Kashfi, Norhayati Che Hat, Siti Salwa Mohd Noor, Norasyikin Osman, Nurazan Mohmad Rouyan & Zaharah Hussin. 2022. Cabaran dan Permasalahan Pembelajaran Murid B40 di Sekolah Rendah di Malaysia [The Challenges And Problems of Learning Faced by B40 Students at Primary Schools in Malaysia]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 2(4), 17-28.

## PENGENALAN

Pendidikan merupakan antara elemen vital dalam membangunkan sesebuah negara. Pendidikan mempengaruhi pembangunan individu ke arah memperbaiki kualiti diri demi kelangsungan kehidupan. Melalui pendidikan, seseorang individu boleh mengubah nasib mereka ke arah masa hadapan yang lebih baik. Melalui pendidikan juga, ideologi dan pemikiran rakyat dididik serta dibentuk dalam memacu sosial, budaya dan ekonomi demi kemajuan sebuah negara. Sistem pendidikan Malaysia telah melalui siri transformasi yang pelbagai serta mempunyai sejarah yang panjang. Kejayaan demi kejayaan dicapai hasil daripada perancangan sistem pendidikan yang jitu. Namun begitu, tidak dinafikan masih terdapat beberapa isu dan cabaran yang menjadi pengadang kemajuan pendidikan negara. Salah satu isu atau cabaran pendidikan yang diberi perhatian adalah masalah pembelajaran yang berlaku dalam kalangan anak-anak pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah atau B40 seterusnya membawa kepada isu keciciran pendidikan.

Golongan B40 atau *Bottom 40%* merupakan golongan pendapatan keluarga di bawah gaji bulanan minimum di Malaysia. Sebanyak 40% daripada populasi penduduk Malaysia adalah tergolong di dalam kumpulan ini dengan pendapatan isi rumah dalam anggaran RM4,850 ke bawah. Ini termasuk kanak-kanak daripada keluarga atau penempatan miskin bandar, luar bandar dan pinggir bandar, kanak-kanak yang tinggal di kawasan terpencil, kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas, kanak-kanak orang asli dan tidak berdokumen, kanak-kanak yang tinggal di ladang dan pelarian (Albert Allang et al., 2019; Zakari et al., 2022). Golongan B40 sering dikaitkan dengan permasalahan dalam pembelajaran yang menyebabkan mereka tercicir pendidikan seterusnya membantutkan peluang mereka untuk memajukan diri. Masalah pembelajaran dalam kalangan anak-anak pelajar B40 sudah kian lama menjadi perbincangan dalam sistem pendidikan. Sejak kemerdekaan, kerajaan telah sedaya upaya meningkatkan akses kepada pembelajaran dalam usaha merapatkan jurang pendidikan dalam kalangan rakyat Malaysia. Namun begitu, masih terdapat segelintir golongan anak-anak pelajar B40 yang ketinggalan pembelajaran seterusnya menyebabkan mereka tercicir dan tidak mendapatkan akses pendidikan yang sewajarnya. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2016), 39.6% rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan bandar hanya berpendidikan peringkat sijil SPM, 11% berkelulusan diploma dan 37% berkelulusan lanjutan (Zakari et al., 2022).

Selain itu, fenomena ini juga dapat dilihat dalam masyarakat B40 daripada kaum India di Malaysia di mana mereka memiliki pencapaian pendidikan yang rendah dan jauh ketinggalan berbanding dengan kaum lain. Sebanyak 9 peratus remaja India yang berumur di antara 20-24 tahun memiliki hanya pendidikan peringkat rendah manakala masyarakat Melayu menyumbang sebanyak 6 peratus dan masyarakat Cina sebanyak 5 peratus. Selain itu, golongan belia India yang berumur di antara 25-29 tahun menyumbang sebanyak 13 peratus manakala masyarakat Melayu adalah 9 peratus dan masyarakat Cina mencatatkan sebanyak 7 peratus (Malaysian Indian Blueprint, 2017; Subra et al., 2019). Sekiranya isu ini tidak ditangani dengan baik, kesannya akan membawa kepada jangka masa panjang dan boleh menggugat hala tuju ekonomi negara masa hadapan.

Menurut kajian-kajian terdahulu, terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada masalah pembelajaran anak-anak pelajar B40 seterusnya menyebabkan mereka ketinggalan dan tercicir dalam pendidikan. Antaranya ialah faktor sosioekonomi keluarga, personaliti pelajar, budaya dan persekitaran, pengaruh rakan sebaya serta cara pengajaran guru (Subra et al., 2019; Zakari et al., 2022). Selain itu, sikap, minat dan motivasi pelajar, kurang kesedaran dan penglibatan ibubapa serta masalah ketidakstabilan ekonomi juga dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi masalah pembelajaran dalam kalangan pelajar B40 (Arshat et al., 2018; Hasan et al., 2021).

Tambahan pula, faktor ketidakstabilan ekonomi dan kurang penglibatan ibu bapa boleh membawa kesan yang negatif kepada aspek psikologi dan kesejahteraan anak-anak pelajar B40. Ini boleh menyebabkan emosi anak-anak pelajar B40 terganggu dan seterusnya membawa kepada masalah yang lebih serius seperti tekanan emosi, kemurungan dan kemerosotan kesihatan mental mereka (Arshat et al., 2018).

Kurikulum sekolah Malaysia bermatlamat membangunkan anak-anak secara menyeluruh, merangkumi dimensi intelek, rohani, emosi, dan jasmani seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah bertekad untuk meningkatkan pencapaian murid dengan menyediakan sistem yang lebih efisien, dengan mengutamakan kualiti, ekuiti dan akses dalam pendidikan. Hal ini kerana setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing tanpa mengira lokasi, latar belakang sosio ekonomi, etnik dan jantina (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013). Oleh itu, permasalahan pembelajaran dalam kalangan anak-anak pelajar B40 wajar diberi perhatian dan dikaji faktor-faktornya agar jalan penyelesaian dan cadangan dapat diusahakan oleh pelbagai pihak.

Oleh itu, kertas kajian konsep ini bertujuan untuk menyenaraikan cabaran dan permasalahan pembelajaran yang berlaku dalam kalangan pelajar B40 di sekolah rendah, di samping membincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah pembelajaran anak-anak pelajar B40. Seterusnya, cadangan dan jalan penyelesaian juga akan diutarakan bagi membantu mengatasi isu ini berdasarkan sorotan kajian-kajian lepas. Kesemua usaha ini adalah penting demi membantu kerajaan dalam menangani masalah pembelajaran anak-anak pelajar B40 seterusnya mengurangkan keciciran pendidikan serta membangunkan generasi rakyat yang progresif dan berwawasan demi keharmonian dan kesejahteraan negara.

## **CABARAN DAN PERMASALAHAN PEMBELAJARAN MURID B40 DI SEKOLAH RENDAH**

Proses pembelajaran di sekolah merupakan sesi paling penting bagi memastikan setiap anak pelajar mendapatkan akses pendidikan yang berkualiti. Kerajaan sentiasa menyediakan fasiliti sekolah yang kondusif dan selesa, antaranya ialah bilik-bilik darjah, kelengkapan buku teks, perpustakaan, ruangan belajar dan sebagainya. Walaupun sedemikian, anak-anak pelajar B40 dilihat masih mengalami permasalahan dalam pembelajaran mereka di sekolah. Justeru, permasalahan-permasalahan pembelajaran ini perlu dikaji secara mendalam supaya punca-puncanya dapat dikenal pasti bagi membantu golongan ini dalam mendapatkan akses pembelajaran yang terbaik. Antara permasalahan yang dihadapi oleh pelajar B40 semasa pembelajaran ialah:

### **Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis yang Rendah**

Kemahiran membaca dan menulis merupakan dua daripada empat kemahiran asas yang diperlukan oleh pelajar untuk mencapai kemajuan dalam pembelajaran. Sekiranya dua aspek ini tidak dikuasai, mustahil pelajar boleh meneruskan pembelajaran mereka dengan baik dan cemerlang. Murid-murid daripada keluarga B40 rata-rata menghadapi masalah dalam kemahiran membaca dan menulis. Menurut kajian yang dijalankan Zamri Mahamod dan rakan-rakan (2021) mendapati bahawa tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis dalam kalangan kanak-kanak B40 yang terdiri daripada tiga kaum majoriti iaitu Melayu, Cina dan India adalah berada di tahap yang terhad dan rendah.

Kebanyakan murid B40 yang dikaji kurang fasih dalam membaca serta tidak dapat memahami apa yang dibaca. Mereka juga tidak dapat menulis dengan baik dan mempunyai penguasaan kosa kata yang rendah dalam penulisan. Selain itu, kajian oleh Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), Abdul Rasid et al. (2012) serta Yahya dan Dk. Suzanawaty (2014) juga menunjukkan murid-murid sekolah rendah masih mengalami masalah dalam menguasai kemahiran menulis yang baik. Kebanyakan murid yang dikaji ialah murid luar bandar dan daripada keluarga berpendapatan rendah dan sederhana. Tahap penguasaan kemahiran yang rendah boleh membawa kepada pencapaian akademik yang rendah dan tidak memuaskan.

### **Tahap Kehadiran ke Sekolah yang Rendah**

Seterusnya, anak-anak pelajar B40 juga mempunyai tahap kehadiran ke sekolah yang rendah. Menurut laporan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2016), jumlah enrolmen pelajar sekolah rendah didapati menurun daripada tahun 2014 ke tahun 2016 iaitu sebanyak 13,910 kanak-kanak dilaporkan tercicir daripada mengikuti persekolahan. Situasi ini kembali berulang enam tahun kemudian setelah Malaysia dilanda Covid-19 pada tahun 2019. Menurut laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2021), sebanyak 21,316 kanak-kanak dilaporkan tercicir daripada persekolahan arus perdana bagi tempoh Mac 2020 hingga Julai 2021. Selain itu, peratusan enrolmen ke sekolah juga mengalami penurunan berbanding tahun-tahun sebelumnya, di mana terdapat penurunan sebanyak 2.2% pada peringkat prasekolah, 0.5% pada peringkat menengah rendah dan 1.2% pada peringkat menengah atas pada tahun 2020

(Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2020). Rata-rata pelajar yang tercicir adalah terdiri daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan luar bandar yang tidak mampu lagi untuk menanggung persekolahan anak-anak mereka.

### **Penyertaan Aktiviti yang Tidak Memuaskan Menyebabkan Ketinggalan dalam Pembelajaran**

Anak-anak pelajar B40 sering dikaitkan dengan permasalahan ketinggalan dalam pembelajaran. Jumlah penyertaan program akademik oleh pelajar daripada golongan B40 sentiasa tidak memuaskan kerana mereka tiada kemudahan dan kewangan yang cukup untuk membayar yuran penyertaan. Dalam keadaan ini, tahap kemahiran insaniah mereka tidak berkembang disebabkan mereka kurang menyertai program-program atau aktiviti luar sekolah yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Selain itu, terdapat pelajar yang ketinggalan daripada menyertai program kerana perlu membayar yuran penyertaan bagi mengelak mengeluarkan perbelanjaan harian. Sekiranya mereka menyertai program yang diadakan, mereka perlu memotong perbelanjaan dan berjimat sehabis baik dengan wang yang diperuntukkan (Mt Zin et al., 2021). Situasi ini berbeza dengan anak-anak pelajar yang berasal daripada keluarga M40 dan T20 yang tidak mengalami sebarang permasalahan untuk menyertai program dan aktiviti sekolah yang memerlukan kewangan yang banyak dan sebagainya.

### **Hilang Daya Tumpuan dan Motivasi dalam Pembelajaran**

Kekangan dan desakan kehidupan seringkali menyebabkan anak-anak pelajar B40 hilang daya tumpuan dan motivasi dalam pembelajaran. Terdapat anak-anak pelajar B40 yang disibukkan dengan aktiviti membantu kedua ibu bapa dalam meraih pendapatan demi kelangsungan hidup. Selain itu, sesetengah ibu bapa tidak dapat memenuhi keperluan dasar seperti menghantar anak ke sekolah dan tidak peduli dengan keperluan belajar anak (Ganesan, 2013). Ini menyebabkan anak-anak pelajar B40 hilang daya tumpuan dalam pembelajaran kerana kekurangan kelengkapan dan peralatan berbanding rakan-rakan mereka yang lain. Pada masa yang sama, mereka akan lebih tertarik untuk melakukan perkara lain seperti bekerja berbanding persekolahan kerana tahap motivasi yang menurun disebabkan kekurangan sokongan dan penglibatan daripada ibu bapa.

Berdasarkan permasalahan-permasalahan pembelajaran yang dialami oleh pelajar B40, dapat dilihat bahawa banyak permasalahan berpunca daripada faktor sosioekonomi dan latar belakang keluarga. Sekiranya permasalahan pembelajaran ini tidak dikenal pasti dan ditangani dengan baik, implikasinya semakin ramai anak-anak pelajar B40 yang akan tercicir dalam pendidikan. Oleh itu, bahagian seterusnya akan membincangkan dengan lebih lanjut mengenai faktor-faktor yang menyumbang kepada permasalahan pembelajaran anak pelajar B40.

### **FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA PERMASALAHAN PEMBELAJARAN MURID B40**

Berdasarkan kepada sorotan kajian-kajian lepas, permasalahan pembelajaran anak-anak pelajar B40 dipengaruhi oleh pelbagai aspek yang meluas. Terdapat beberapa lapisan faktor yang

membawa kepada permasalahan pembelajaran anak-anak pelajar B40. Kajian ini akan cuba untuk menyenaraikan sebanyak mungkin faktor-faktor signifikan yang menyumbang kepada permasalahan ini. Antara faktor utama yang menyumbang kepada permasalahan pembelajaran anak pelajar B40 ialah:

### **Faktor Sosioekonomi Keluarga**

Keadaan sosioekonomi keluarga merupakan faktor terbesar yang mempengaruhi permasalahan pembelajaran anak-anak pelajar B40. Pengaruh latar belakang sosioekonomi keluarga terdiri daripada pendapatan dan kewangan keluarga, pekerjaan ibu bapa, tahap pendidikan ibu bapa, dan sokongan keluarga (Zakari et al., 2022). Rata-rata ibu bapa B40 hanya bergantung kepada pendapatan harian yang tidak stabil dan tidak menentu. Faktor kewangan ibu bapa B40 yang tidak kukuh menyebabkan mereka tidak dapat menyediakan kemudahan pendidikan untuk anak-anak mereka seperti kelengkapan sekolah, penyediaan bahan pembelajaran, kelas tuisyen, dan lain-lain (Ganesan, 2013; Mahamod et al., 2021). Ini menyebabkan proses pembelajaran anak-anak mereka terbantut kerana kekurangan kelengkapan dan bahan pembelajaran. Kekurangan pendapatan ibu bapa menyebabkan keluarga hidup dalam kemiskinan dan mengabaikan pendidikan anak-anak mereka. Pada masa yang sama, ibu bapa juga harus mempertimbangkan kewangan untuk keperluan dasar yang lebih penting iaitu untuk melanjutkan kelangsungan hidup (Kitha, 2021). Tambahan pula, keadaan ekonomi negara yang tidak stabil lagi-lagi setelah pandemik Covid-19 melanda menyebabkan ramai ibu bapa keluarga B40 tertekan dan tidak dapat menyediakan keperluan asas dengan baik untuk kelangsungan hidup keluarga termasuklah dalam pendidikan anak-anak mereka (Arshat et al., 2018).

Selain itu, tahap pendidikan ibubapa juga turut memainkan peranan yang penting. Ibu bapa yang mempunyai latar belakang pendidikan yang rendah terdedah kepada kehidupan yang mencabar menyebabkan mereka tidak dapat berfokus kepada pendidikan anak-anak dan mendorong kepada keciciran kerana kekurangan daya tahan untuk mengharungi cabaran hidup tersebut. Ia juga mencetuskan kurang minat dalam pendidikan dan mengambil langkah untuk berhenti sekolah (Ganesan, 2013). Hal ini kerana mereka percaya bahawa bekerja untuk meraih pendapatan adalah lebih baik berbanding persekolahan demi kelangsungan hidup.

### **Faktor Penglibatan dan Sokongan Ibu Bapa**

Ibu bapa merupakan dua figura terpenting dalam hidup anak. Ibu bapa berperanan sebagai penjaga yang mengatur segala ehwal yang berkaitan dengan kesejahteraan kehidupan anak-anak termasuklah kelengkapan harian dan pakaian, kesihatan serta pendidikan. Ibu bapa mempunyai pengaruh yang besar terutamanya dalam soal kejayaan anak-anak dalam pelajaran kerana anak-anak sangat memerlukan sokongan fizikal dan moral khususnya anak-anak B40 yang membesar dalam keadaan sosioekonomi yang tidak stabil (Albert Allang et al., 2019). Hal ini kerana ibu bapa yang selalu memberikan motivasi dan semangat akan mendorong anak-anak menjadi seorang yang bersungguh-sungguh dan yakin dalam proses pembelajaran. Faktor-faktor seperti dorongan, pematuhan disiplin, hubungan mesra antara keluarga boleh

memberikan kesan kepada personaliti, motivasi dan pencapaian akademik anak-anak yang masih bersekolah (Mohamad, 2018; dalam Mohammad Fadzia et al., 2021).

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak boleh menentukan hala tuju pembelajaran anak-anak. Namun begitu, situasi ini berbeza dalam keluarga B40. Kehidupan ibu bapa B40 sentiasa disibukkan dengan aktiviti meraih pendapatan untuk kelangsungan hidup keluarga. Mereka juga lebih mengutamakan aspek ekonomi berbanding aspek-aspek seperti pendidikan dan kebajikan anak-anak mereka. Mereka tidak mengambil berat sama ada anak-anak mereka sudah boleh menulis atau tidak (Arshat et al., 2018; Rohaida et al., 2020). Akibatnya, pendidikan anak-anak akan terabai kerana kurang pemerhatian dan pemantauan daripada ibu bapa. Selain itu, kurang penglibatan dan sokongan daripada ibu bapa boleh menyebabkan tahap motivasi anak-anak pelajar B40 menurun. Hal ini kerana mereka kurang mengambil berat akan urusan pendidikan anak-anak mereka. Ibu bapa yang sentiasa mengambil berat tentang pendidikan anak-anak akan sedaya upaya memberikan sokongan, dorongan dan motivasi kepada anak-anak (Anisa Saleha, 2015).

### **Faktor Personaliti Pelajar**

Faktor diri sendiri merupakan faktor yang paling mempengaruhi seseorang untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna. Sikap, minat dan motivasi pelajar memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kecinciran di sekolah. Sikap, minat, dan aspek motivasi pelajar mempunyai perkaitan yang sangat erat dengan prestasi belajar seseorang (Zakari et al., 2022). Selain itu, gaya pembelajaran pelajar juga memainkan peranan penting bagi menentukan proses pembelajaran pelajar sama ada efektif dan cepat atau sebaliknya. Ciri-ciri pelajar yang cemerlang adalah pelajar yang mempunyai sikap, minat, motivasi dan gaya pembelajaran yang baik bagi membantu proses pembelajaran pelajar ke arah kecemerlangan (Mt. Zin et al., 2021).

Namun begitu, situasi ini sangat berbeza jika diaplikasikan terhadap anak pelajar B40. Terdapat banyak kajian terdahulu yang mengkaji perbezaan sikap, minat, motivasi dan gaya pembelajaran anak-anak pelajar B40 berbanding pelajar lain. Sikap murid B40 tidak kira Melayu, Cina dan India yang malas belajar, tidak fokus ketika belajar dan sebagainya adalah antara punca menyebabkan murid-murid B40 masih lemah dan gagal menguasai kemahiran membaca dengan baik (Mahamod et al., 2021). Selain itu, terdapat juga pelajar B40 luar bandar yang menunjukkan sikap negatif dan pasif terhadap pendidikan. Antaranya ialah wujud keinginan yang tinggi untuk bekerja, terpengaruh dengan kawan-kawan, tidak menghargai masa depan, serta membelakangkan nasihat ibu bapa (Siti Masayu Rosliah et al., 2018).

Secara umum, sebahagian pelajar Melayu di luar bandar kurang mengutamakan kecemerlangan dalam pendidikan berbanding dengan pelajar Cina. Justeru, sikap pelajar B40 terhadap pendidikan itu sendiri yang menyebabkan permasalahan dalam proses pembelajaran. Sekiranya pelajar mempunyai kesedaran dan sikap yang positif terhadap pendidikan, maka mereka akan berusaha sebaik mungkin untuk menunjukkan prestasi akademik yang baik.

### **Faktor Luaran**

Selain daripada tiga faktor utama yang mempengaruhi masalah pembelajaran anak-anak pelajar B40, terdapat juga faktor sampingan atau faktor luaran yang mempengaruhi proses

pembelajaran mereka seperti budaya dan persekitaran, gaya pengajaran guru serta pengaruh rakan sebaya (Zakari et al., 2022).

Menurut Lewis (1996) dalam Kartini Aboo Talib@Khalid (2016), budaya kemiskinan adalah suatu budaya kekal yang wujud dalam kalangan orang miskin dan berpendapatan rendah. Golongan miskin ini terperangkap dalam kitaran tingkah laku. Sikap yang *dysfunctional* ini diperturunkan daripada satu generasi ke generasi yang lain, menyebabkan mereka berterusan berada dalam keadaan serba miskin sehingga terbiasa dengan budaya kemiskinan. Situasi ini dapat dilihat melalui struktur sosial mereka yang lemah seperti tiada pendapatan atau sumber kewangan yang terhad, keadaan keluarga yang tidak stabil, orientasi masa hadapan yang kosong, tiada keupayaan untuk merancang masa hadapan, jati diri dan tahap keyakinan yang rendah serta jurang pandangan mengenai nilai hidup yang negatif dan pasif (Kartini Aboo Talib@Khalid, 2016). Justeru, tidak mustahil bahawa anak-anak pelajar B40 yang membesar dalam keadaan serba miskin terbiasa dengan budaya kemiskinan sehingga mereka terperangkap dalam kitaran ini.

Selain itu, persekitaran pembelajaran anak-anak pelajar B40 yang tidak kondusif dan selesa juga menghalang mereka untuk menjadi produktif. Faktor tempat kediaman anak-anak pelajar B40 yang kecil dan bising seperti ketiadaan ruang membaca atau bilik asing tidak dapat memberi suasana yang efektif untuk pelajar menelaah, sebaliknya menjadi faktor penolak pada pelajar untuk membuang masa dengan melepak (Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat, 2018). Di samping itu, persekitaran pembelajaran yang baik juga merangkumi hubungan dan komunikasi yang baik dan harmoni di antara ibu bapa dan anak-anak pelajar. Hasil daripada desakan dan tekanan hidup yang dialami oleh ibubapa pelajar B40 dalam kehidupan seharian telah menyebabkan hubungan dan komunikasi terhadap anak-anak mereka merosot (Arshat et al., 2018). Hal ini boleh memberi kesan yang negatif kepada aspek psikologi anak-anak pelajar B40 dan menyumbang kepada permasalahan yang lebih serius seperti tekanan emosi, kemurungan dan mengganggu aktiviti pembelajaran seharian mereka serta membantutkan perkembangan sosial, mental dan kognitif mereka (Lewandowski, 2010; Chalovich, 2016).

Seterusnya, gaya pengajaran guru juga mempengaruhi permasalahan pembelajaran anak-anak pelajar B40 (Mt. Zin et al., 2021; Zakari et al., 2022). Gaya pengajaran yang tradisional membuatkan pelajar kurang berminat dan cepat bosan dalam aktiviti pembelajaran. Pelajar akan cepat hilang tumpuan serta lebih tertarik untuk melakukan aktiviti lain yang merangsang minat mereka. Sebaliknya, jika guru tersebut mempunyai gaya pengajaran yang kreatif dan interaktif, ditambah dengan kemahiran pedagogi dan strategi yang baik ini akan menggalakkan anak-anak pelajar untuk melibatkan diri dalam sesi pembelajaran secara lebih aktif (Albert Allang et al., 2019).

Selanjutnya, pengaruh rakan sebaya juga boleh menyebabkan permasalahan pembelajaran dalam kalangan anak-anak B40. Teman sekelas yang duduk bersebelahan berperanan penting dalam merangsang fikiran pelajar untuk terus tetap fokus pada pengajaran guru. Selain itu, gaya pembelajaran pelajar juga dipengaruhi oleh rakan sebaya. Rakan sebaya yang suka membuat kerja sekolah bersama-sama memberi nilai tambah yang baik kepada rakan sebaya mereka, tetapi rakan sebaya yang suka membuat sesuatu keburukan bersama-sama rakan sebaya akan memudaratkan diri mereka (Alia, Norwaliza, 2021; Zakari et al., 2022).

## **CADANGAN PENYELESAIAN BAGI PERMASALAHAN PEMBELAJARAN MURID B40 DI SEKOLAH RENDAH**

Kajian tentang permasalahan pembelajaran dalam kalangan anak-anak pelajar B40 sudah banyak dikaji. Banyak cadangan penyelesaian yang dibincangkan sebelum ini lebih berfokus kepada penyelesaian umum. Justeru, kajian ini mengutarakan cadangan penyelesaian berfokus kepada pihak-pihak tertentu berikut dalam memastikan murid-murid B40 yang mengalami masalah dalam pembelajaran akhirnya mendapat akses pendidikan yang baik dan berkualiti.

- 1. Ibu Bapa Murid B40:** Ibu bapa pelajar B40 perlu mempunyai kesedaran dalam perihal kepentingan pendidikan untuk anak-anak mereka. Seharusnya ibu bapalah menjadi pendorong utama dan menggalakkan anak-anak mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan. Hal ini termasuklah dalam menyediakan kelengkapan peralatan dan kewangan yang baik untuk anak-anak mereka (Albert Allang et al., 2019; Zakari et al., 2022). Tanggungjawab mengurus kewangan keluarga dan mengurus pendidikan anak-anak perlu diseimbangkan, agar kedua-dua aspek terjaga dengan baik. Selain itu, hubungan kekeluargaan yang harmoni dan komunikasi yang baik oleh ibu bapa juga perlu diusahakan agar motivasi anak-anak meningkat dalam pembelajaran. Dengan sokongan moral yang tinggi contohnya pujian, galakan, harapan dan nasihat boleh meningkatkan lagi usaha murid B40 untuk berjaya dalam akademik supaya wujudnya kesedaran dalam menimba ilmu (Mohammad Fadzia et al., 2021).
- 2. Pentadbir Sekolah:** Pihak pentadbir sekolah merupakan pihak yang paling dekat setelah ibu bapa dalam pendidikan murid B40. Pihak pentadbir sekolah perlu memainkan peranan dalam menangani permasalahan pembelajaran murid B40 bagi mengelakkan keciciran pendidikan. Sebagai contoh, pihak pentadbir sekolah boleh mengadakan program motivasi, perkhemahan bina jati diri, kelas pemulihan dan khidmat kaunseling khusus kepada murid B40. Dengan cara ini, kesedaran murid B40 akan meningkat seterusnya menggalakkan mereka untuk lebih melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran. Selain itu, pihak sekolah juga perlu membina hubungan yang baik dengan ibu bapa murid B40, dengan mengadakan pertemuan dan perbincangan yang kerap bersama mereka serta mengadakan aktiviti ziarah rumah ke rumah dari masa ke semasa (Zakari et al., 2022).
- 3. Guru-guru Sekolah:** Guru-guru juga memainkan peranan penting dalam pendidikan murid B40. Guru-guru boleh diibaratkan seperti pembimbing kerana mereka merupakan contoh teladan dan tempat rujukan terhadap pelajar di sekolah. Guru-guru boleh mempelbagaikan cara pengajaran yang lebih kreatif dan interaktif, serta menyeronokkan terhadap murid-murid B40 supaya mereka lebih berminat dan fokus semasa sesi pembelajaran. Sebagai contoh, penggunaan bahan bantu mengajar seperti gambar, carta, kad imbasan serta penggunaan teknologi dalam pembelajaran seperti slaid, grafik dan sebagainya boleh merangsang daya tumpuan yang tinggi dalam kalangan pelajar semasa sesi pembelajaran.
- 4. Kementerian Pendidikan Malaysia:** Sebagai badan kerajaan yang bertanggungjawab mengawal segala hal ehwal dalam sistem pendidikan negara, KPM mempunyai kuasa untuk menangani masalah pembelajaran dan keciciran pendidikan dalam kalangan

murid B40. KPM boleh memperkasakan lagi program-program yang berfokus kepada menangani keciciran pelajar B40 contohnya seperti program LINUS iaitu program pemulihan khas bagi membantu murid-murid sekolah rendah yang menghadapi masalah khusus dalam pembelajaran iaitu menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) (KPM, 2013). Selain itu, terdapat juga Program Perantisan Industri Menengah (PIMA), iaitu sebuah program aliran kemahiran di sekolah menengah yang dilaksanakan secara kolaboratif antara kementerian pendidikan dan institusi industri atau latihan. Program ini adalah salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh KPM dalam mengurangkan masalah keciciran dalam kalangan pelajar B40 di sekolah menengah (Zakari et al., 2022). Selain itu, siri-siri bantuan dan program yang khusus terhadap golongan pelajar B40 seperti Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Bantuan Awal Persekolahan (BAP), Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Program Susu Sekolah (PPS) dan sebagainya perlu diteruskan dan diperkasakan dalam tahun-tahun yang mendatang. Bentuk-bentuk sokongan seperti ini akan menggalakkan lagi motivasi anak-anak pelajar B40 untuk meneruskan pembelajaran seterusnya mencapai kecemerlangan dalam pendidikan.

5. **Masyarakat Sosial/ Komuniti Sekitar:** Akhir sekali, masyarakat sekeliling juga memainkan peranan dalam menangani isu keciciran pendidikan ini. Masyarakat dan pihak komuniti perlu mengamalkan sikap ‘ambil tahu’ terhadap keadaan pendidikan anak-anak di kawasan kejiranan. Sekiranya terdapat anak-anak yang tercicir dalam pendidikan, mereka boleh mengusahakan inisiatif dan alternatif lain seperti kelas tambahan atau pembelajaran berkumpulan, serta pembelajaran di rumah atau *homeschooling* di dewan balai raya atau pejabat khas berhampiran komuniti masing-masing.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, kertas kerja konsep ini telah menyenaraikan pelbagai dimensi kelemahan dalam isu keciciran pendidikan pelajar B40. Faktor sosioekonomi diakui adalah tidak dijangka dan tidak mampu diperbaiki dalam jangka masa yang pendek. Justeru, perancangan jangka masa panjang perlu dirangka untuk membantu murid B40 dalam mendapatkan pendidikan yang sewajarnya. Golongan B40 juga merupakan sebahagian daripada sistem sosial negara dan saling menyumbang terhadap kemajuan negara. Oleh itu, sebagai sebuah negara yang mengutamakan pendidikan dan perpaduan rakyat, semua pihak yang terlibat bermula daripada pihak kerajaan, pihak pentadbir sekolah, para guru, para ibubapa dan komuniti masing-masing perlu berganding bahu dalam membantu melaksanakan pelan pembangunan pembelajaran yang sesuai untuk anak-anak B40 agar masalah pembelajaran dalam kalangan murid B40 dapat diatasi seterusnya mengurangkan kadar keciciran pendidikan. Harapan agar anak-anak B40 mendapat pendidikan yang lebih baik kerana mereka juga berhak menerima akses pendidikan yang berkualiti, tanpa mengira latar belakang keluarga, bangsa dan agama.

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas kelulusan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) FRGS/1/2021/SSI0/UNISZA/03/8 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), melalui *Center for Research Excellence and Incubation Management* (CREIM) UniSZA dengan Tajuk: Pembangunan Model Homeschooling Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (Kafa) Bagi Kanak-Kanak Dari Golongan B40.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. *Konvensyen Pendidikan Nasional 2008*. Anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2 - 4 Jun 2008.
- Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim & Shamsudin Othman. (2012). Multimedia interaktif mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid-murid Probim. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 46-53.
- Albert Allang, B., Mahzan Awang, M., Razaq Ahmad, A., & Ahmad, A. (2019). *Influenced factors of B40 students' academic achievement*. 2(1962), 171–175. <https://doi.org/10.32698/gcs.0192>
- Alia Nordina Nordin & Norwaliza Abdul Wahab. (2021). Kertas konsep : Pembangunan modul sekolah rimba berdasarkan pengetahuan peribumi bagi mengekalkan kelestarian masyarakat orang asli. *Asian Pendidikan*, 1(1), 10–21.
- Arshat, Z., Pai, F. S., & Ismail, Z. (2018). Keluarga B40: Tekanan dan kekuatan (B40 family: Stress and strength). *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences Journal Homepage*, 10(1), 91–102. [www.akademiabaru.com/arsbs.html](http://www.akademiabaru.com/arsbs.html)
- Anisa Saleha. (2015). Keterlibatan, sokongan pembelajaran dan pencapaian pelajar berdasarkan gender peringkat persekolahan dan lokasi. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chalovich, J. M., & Eisenberg, E. National Institute of Health Public Access. *Biophysical Chemistry* 257, no. 5 (2016): 2432–2437.
- Ganesen (2013). Pengaruh keluarga terhadap pencapaian akademik murid India di sekolah Menengah Rendah. Ph.D thesis, University of Malaya.
- Hasan, Z., Ahmad, N. S., & Hashim, S. (2021). Resilien akademik dalam kalangan murid B40. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 3(1), 37–49. [www.jerisjournal.com](http://www.jerisjournal.com)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2016). *Laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas mengikut negeri dan daerah pentadbiran*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kartini Aboo Talib@Khalid. (2016). Dilema kemiskinan : Falsafah, budaya dan strategi Poverty dilemma : Philosophy ,culture and strategies. *Akademika*, 86(2), 65–78.
- Kitha Anjali. (2021). Keciciran dalam pendidikan di Malaysia. [https://www.academia.edu/23788053/Keciciran\\_Dalam\\_Pendidikan\\_Malaysia](https://www.academia.edu/23788053/Keciciran_Dalam_Pendidikan_Malaysia)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Lewandowski, Amy S., Tonya M. Palermo, Jennifer Stinson, Susannah Handley, Christine T. Chambers. Systematic review of family functioning in families of children and adolescents with chronic pain. *The Journal of Pain* 11, no. 11 (2010): 1027-1038.
- Mahamod, Z., Mazlan, R., Amin, N., & Abd. Rahman, M. Z. (2021). Tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis murid-murid B40 dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 40-62. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.4.2021>
- Mohammad Fadzia, T., Ruhizan, M., & Ahmad, Z. (2021). Tahap sokongan ibu bapa dalam membantu pembelajaran murid B40 di sekolah luar bandar (Level of parental support in assisting the learning of B40 students in rural schools). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 707–717. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Mt Zin, M., Nasri Md Hussain, M., & Abdul Ghani, A. (2021). Kesan pembelajaran dan motivasi terhadap prestasi akademik pelajar (Effects of learning and motivation on student academic performance). *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 7(21), 24621714. [www.gbse.com.my](http://www.gbse.com.my)
- Rohaida Mazlan, Norziah Amin, Mohd Zaki Abd. Rahman & Zamri Mahamod. (2020). Tahap penguasaan membaca dan menulis murid B40 dari perspektif guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 54-73.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid, & Narimah Samat. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di jajahan Bachok, Kelantan. *E-Bangi : Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(2), 11–23.  
<https://www.proquest.com/openview/eacaac7b4d6cab0bd4c6284f8b0ae87f/1?pq-origsite=gscholar&cbl=616374>
- Subra, T., Abdullah, M. A. I. L., & Devi, K. (2019). Family's socio-economic influence on the dropout of Indian students: A case study in the district of Kuala Muda Kedah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9), 77–91. <https://doi.org/10.35631/ijmtss.29007>
- SWO The Malaysian Indian Community. 2019. Pertubuhan Science and Wellness, Malaysia.
- Yahya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Osman. (2014). Keupayaan menguasai kemahiran menulis pembelajaran berdasarkan Projek Nilam dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 19-29.
- Zakari, N. A., Abd. Majid, M. Z., & Hussin, M. (2022). Keciciran murid sekolah di Malaysia: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1288>